
Title	Kanak-kanak dengan disiplin
Author(s)	Mohd Taha Jamil
Source	<i>Singapore Journal of Education</i> , 2(2), 63-66
Published by	Institute of Education (Singapore)

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Kanak-kanak dengan Disiplin

Apa itu disiplin? Adakah disiplin untuk kanak-kanak itu baik? Bila dan bagaimana kita mengenakan disiplin untuk anak kita? Apa pula kelonggaran dan batasan yang ditetapkan buat disiplin yang tertentu? Inilah di antara beberapa persoalan yang agak menarek untuk sama-sama kita tinjau dan cari huraianya.

Disiplin, menurut Kamus Dewan bererti, '*kepatuhan (ketaatan) pada peraturan.*' Berdisiplin pula membawa maksud, '*patoh (mengikut, taat), kepada undang-undang (peraturan, tata-tertib).*' Kita sering mendengar tentang keharuman askar-askar yang berdisiplin. Disiplin yang tinggi akan menyebabkan sesuatu pergerakan dan perjuangan mencapai tangga kejayaan. Demikian juga halnya dengan askar-askar yang tidak berdisiplin. Segalagalanya akan turut musnah, nama diri, nama gerakan, nama bangsa bahkan turut terlibat maruah negaranya.

Bagaimana pula dengan disiplin untuk kanak-kanak? Ada-kah kita mahukan anak kita itu didisiplinkan sebagai seorang askar juga? Tentu tidak jawapannya! Yang kita harapkan ialah anak yang berdisiplin tapi bukannya disiplin yang keras dan ketat. Disiplin diri yang tinggi yang dapat ditingkatkan melalui proses pendidikan inilah yang sebaiknya buat anak kita. Proses ini tidaklah dengan serta-merta akan melahirkan kejayaan. Kita perlu memupuknya dengan tabah serta disirami dengan keinsafan dan kasih sayang. Pada masa-masa yang tertentu dan situasi yang berbeza memerlukan terapan disiplin yang berbeza pula. Beberapa kelonggaran dan batasan dalam melaksanakan disiplin ini juga perlu diawasi dan diinsafi. Disiplin yang tidak mengenal kelonggaran dan batasan adalah bersifat kuku besi. Untuk ini risikonya tinggi dan akibatnya jelek sekali.

Disiplin untuk kanak-kanak bukan-lah suatu perkara yang baru. Dari zaman datuk nenek kita dahulu lagi disiplin untuk kanak-kanak sudah dilaksanakan dengan mencapai beberapa kejayaan. Pada masa ini juga kita berusaha mencari jalan yang sebaiknya mewujudkan disiplin yang tinggi dan murni. Di manakah letaknya perbezaan di

antara pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan disiplin oleh datuk nenek kita itu dengan kaedah hari ini? Apa yang dilakukan oleh mereka dahulu dengan tegas kita lakukan juga tetapi dengan rasa bimbang. Dalam sesuatu keadaan di mana kita memang benar pun kita kadangkala rasa penuh bimbang. Kita bimbang akan kehilangan kaseh sayang anak terhadap ibubapanya. Disiplin dikuat-kuasakan oleh datuk nenek kita dengan tegas dan keras. Cara manakah yang lebih cocok untuk dipraktikkan?

Ibu bapa dapat menguasai anak mereka yang belum matang dengan cara yang bijak dan fikiran yang tenang. Bila sesuatu disiplin itu dilaksanakan tanpa melibatkan emosi yang berlebihan maka kejayaan mudah sekali tercapai. Andaikata kita menghadapinya dengan kekecehan sesuatu perkara itu menjadi masalah yang rumit. Masalah ini akan mengganggu fikiran kedua-dua belah pihak iaitu ibubapa dan juga si anak.

Mana ada ibubapa yang tidak sayangkan anaknya. Tapi agak mustahil pula kalau ibu atau bapa itu terus mengharap agar si anak mencintai mereka kedua pada tiap detik sepanjang hari. Ibu bapa yang terlalu mengharap kasih sayang si anak akan merasa bimbang dan tidak sekali-kali berani menolak sebarang permintaan yang di utarakan oleh anaknya. Penyakit ini akan berlarutan sehingga akan melibatkan kuasa dan disiplin dalam rumah. Anak akan memeras ugut ibu bapanya kerana mereka tahu bahawa dirinya amat disayangi dan dia juga sedar bahawa ibu bapanya bimbang akan kehilangan cinta si anak.

Kelonggaran dalam disiplin merupakan suatu sikap dimana ibubapa menyedari tentang kenakalan si anak. Ini bererti menerima hakikat bahawa: '*Budak-budak memang begitu!*'. Kita perlu sedar bahawa si anak akan berlari-larian, melompat, memanjat pokok, bergasak dan berteriakan. Mereka tidak akan menghiraukan sama ada baju dan seluar barunya akan kotor atau koyak kerana kenakalannya. Perkara itu sudah menjadi suatu kelumrahan buat anak-anak kita. Apalah penger-

tian bersih dan cantik kalau hati tidak bebas dan cergas. Kata si anak dalam sanubarinya: *'Biarlah aku kotor dan berlumpur asalkan jiwaku bebas, puas dan terlepas!'*

Pokoknya kelonggaran dalam disiplin membawa maksud menerima hakikat bahwa kanak-kanak sebagai manusia biasa berhak memiliki anika jenis perasaan dan kehendak. Semua perasaan dan fantasi, pemikiran dan keperluan, semua inimpi dan kemahuan mestilah kita hormati dan dibenarkan dalam segala bentuk simbolik yang berpatutan. Kelakuan mereka yang akan mengakibatkan sesuatu kerosakan tidak akan di layan. Sekiranya kelakuan demikian muncul maka ibubapa yang bijak akan turut campur dan mengalahkannya dan menukar haluan akan kenakalan si anak itu tadi. Kelakuan-kelakuan yang seperti ini boleh di terima; membuat lukisan yang hebat dan comot, melempar batu di laut, menumbuk batang pisang dan menulis apa saja yang dikehendakinya.

Kelonggaran dalam disiplin adalah penerimaan akan kelakuan anak yang penuh simbolik dan kaya dengan imaginasi. Mengizinkan kelakuan yang tidak diingini adalah sudah melampaui batas. Kelonggaran akan membawa konfiden dan kemampuan untuk menyatakan sesuatu hasrat dan pemikiran. Manakala melampaui suatu batasan pula akan menageh kebimbangan dan kecurigaan. Dari segi perkembangan mental dan emosional, si anak akan terjejas dan buruk akibatnya.

Sebagai ibubapa kita mestilah membuat perbezaan di antara kehendak dengan kelakuan anak kita. Kita terpaksa membuat batasan untuk tindakan anak kita itu tetapi untuk membendung kemahuannya pula adalah sikap yang kurang bijak. Kebanyakan dari masalah disiplin terdiri dari dua aspek: perasaan marah dan tindakan marah. Tiap aspek perlukan layanan yang berbeza pula. Perasaan anak itu perlu diidentifikasi dan kemudian dialihkan.

Cuba ikuti perbualan ibu yang menyambut kepulangan anaknya yang kelihatan masam dan mendongkol saja. Si ibu memandang muka anaknya dan perasaan marah anaknya dicamkan betul-betul dan kemudian dinyatakan agar diketahui oleh si anak. Si anak mendapat simpati ibunya dan dia merasa bertuah ibunya faham akan kemarahannya;

Ibu: Nampaknya kau bersedih saja hari ini.

Ali: Memang sedih sekali!

Ibu: Kau sedih kerana hari ini hujan lebat dan kau tak dapat main bola.

Ali: Yalah saya dah siap. Hujan pun turun. Ah tak apalah mak lain kali pun saya boleh praktis!

Pada ketika yang lain suatu batasan perlu di buat. Bila Zul, lima tahun yang berlagak sebagai seorang doktor ingin menyembelih burung tekukur bapanya, ibu perlu turut campur. Ibu menghargai kepintaran anaknya tetapi perlu membatasi tindakan Zul dengan tegas dan pantas. Kemudian ibu akan mengalihkan pandangan Zul kepada gambar-gambar burung dari buku sains. Elakkan dari menimbulkan keadaan yang panik dan penuh kekechohan. Ibu yang berfikiran tenang dengan perasaan yang terkawal akan memberi bimbingan kepada anaknya dan ini akan meletakkan batu asas disiplin yang baik.

Demikian juga halnya bila si anak didapati menconteng tembok rumah. Ibu yang bijak akan memberikan anaknya beberapa keping kertas untuk di conteng oleh anaknya. Ibu tidak akan memaki dan memarahi anak yang nakal itu. Anak ini memiliki daya imaginasi yang kaya dan bakat kreatif yang kuat. Layanan yang salah akan mengakibatkan mati dan bantut segala bakat yang wujud dalam dirinya. Elakkan daripada suasana seperti ini: *'Jahanam, jahanam tembok rumah ini! Anak celaka!'*, *'Nak mati kau ya! Nanti bapak kau balek baru tau kau!'*, *'budak setan ni, tak tau duduk diam sikit pun!'*

Kaedah lama dalam mentadbirkan disiplin agak berbeza dengan cara yang diamalkan sekarang. Pada masa dahulu ibubapa menahan kelakuan yang tidak diingini tetapi yang lebih penting iaitu dorongan yang melonjak dalam jiwa si anak telah diketepikan. Sesuatau kelakuan atau tindakan anak itu wujud dari perasaan dan dorongan yang membara dalam jiwa si anak. Sumber sesuatu kelakuan itu perlu dimengertikan. Halangilah kelakuan nakalnya tetapi dorongan dari kelakuannya itu perlu dilayan dengan baik. Dulu, halangan terhadap kelakuan anaknya ditadbirkan dalam situasi yang sedang hangat dan sukar. Pada detik itu si anak pasti tidak akan mendengar sepatah kata pun yang keluar dari mulut ibubapanya. Dalam keadaan demikian anak akan mengingkari dan menentang segala apa yang dikhotbahkan oleh ibu bapanya. Akibatnya, si anak akan mendapat kesan bahawa bukan sahaja tindakan atau kelakuannya yang di kritik tetapi sebagai manusia juga dia merupakan seorang yang paling tak berguna.

Bayangkan betapa pilunya hati seorang anak yang di maki dan di caci padahal dia cuma mematahkan sayap kapal terbang mainannya yang baru. Harga kapal terbang itu cuma tiga puluh dolar tapi kerusakan jiwanya kerana makian dan penghinaan itu tidak dapat di bayar dengan harga beberapa ribu dolar sekali pun. Elakkan dialog seperti ini;

Ibu: Eh eh budak setan ni apa pasal kau patahkan sayap kapal terbang ni? Kau ingat kita cap duit eh? Nak mampus ya!

Mat: Tapi saya nak belajar memasang sayapnya nanti.

Ibu: Sudah sudah kau memang tak berguna. Anak macam kau tak guna dibelikan apa-apa. Kau jahat. Degil. Perosak' Pergi mati lebeh baik!

Cara disiplin yang baru ialah membantu dan membimbing si anak dengan penuh perasaan dan contoh tauladan yang baik. Ibumama akan membenarkan si anak melahirkan perasaannya tetapi membatasi dan kemudian akan mengalahkannya si anak yang tidak diinginkan itu. Sesuatu batasan itu akan dikenakan tanpa kekerasan atau kemarahan yang meluap-luap. Kedongkolan si anak terhadap batasan itu memang dijangkakan dan difahami. Seterusnya si anak tidak akan di denda atau di benci kerana dia tidak sukakan batasan yang di buat oleh ibu bapanya.

Disiplin yang sedemikian rupa akan menyebabkan si anak menerima dengan sukarela dan akhirnya akan menukar sebahagian dari kelakuannya. Dalam konteks ini, disiplin yang dikuatkuasakan oleh orang-tuanya akan akhirnya menuju kepada disiplin diri sendiri. Anak akan mencontohi tauladan yang telah ditunjukkan oleh ibubapanya serta nilai-nilai yang mereka miliki. Pada huraian akhirnya si anak akan menuju ke taraf pembentukan peribadi yang dihajati.

Kanak-kanak memerlukan definisi yang jelas tentang kelakuan mereka yang diizinkan atau ditolak oleh ibubapanya. Mereka akan rasa konfiden dan selamat apabila mereka mengetahui batasan kelakuannya yang dibenarkan. Untuk meminjam istilah Dr. Fritz Redl, kelakuan kanak-kanak tergolong dalam tiga *Zon* yang berwarna iaitu; *Hijau*, *Kuning* dan *Merah*. *Zon Hijau* meliputi kelakuan-kelakuan yang diizinkan dan diharapkan, di mana 'ya' atau 'boleh' diberikan oleh ibubapa dengan bebas dan tegas. *Zon Kuning* pula akan termasuk di dalamnya kelakuan yang tidak di sekat tapi maseh boleh diterima dengan penuh kesabaran kerana beberapa alasan tertentu seperti;

1. Kelonggaran untuk penuntut: Pemandu 'L' tidak akan di denda bila beliau memberi isyarat kanan tetapi telah membelok ke kiri. Kesilapan begitu di terima dengan harapan menjadi tangga buat kemajuan pada hari muka.

2. Kelonggaran kerana kepayahan: Keadaan sukar yang khusus seperti, kemalangan, sakit, pindah ke kejiranan baru, berpisah dari keluarga atau kawan-kawan dan kematian. Kita beri kelonggaran kerana masa payah dan masa penyesuaian.

Zon merah meliputi kelakuan yang tidak dapat diterima langsung dan mesti diberhentikan. Ini termasuk kelakuan yang nanti akan membahayakan kesihatan dan kesejahteraan keluarga. Termasuk juga kelakuan yang dilarang oleh undang-undang, ugama, moral atau kemasyarakatan.

Bagaimanakah pelaksanaan disiplin yang baik dan dapat diikuti? Contoh tauladan yang ditunjukkan oleh ibubapa itu yang terutama. Anak-anak yang masih kecil akan mematuhi nasihat dan arahan ibubapa seandainya ibubapa juga menunjukkan contoh disiplin yang tinggi. Misalnya ibubapa mahukan anak mereka tidak menonton TV antara jam 6.00 hingga 7.30 malam. Anak akan rasa bangga mematuhi disiplin yang dikuatkuasakan sekiranya pehak ibubapa juga tidak mengamalkan 'double-standard' dan menjauhkan diri dari TV pada masa itu. Ibumama yang memberi contoh tauladan mengenai disiplin tidak akan mendapat masalah malahan separuh dari peperangan telah pun menang dengan cara ini.

Seterusnya cara seseorang ibu menyatakan disiplin itu juga penting. Bila perasaan ibubapa tentang sesuatu kawalan begitu jelas dan sesuatu sekatan itu dinyatakan dalam bahasa yang lembut, seorang anak tidak akan ada pilihan lain. Dia pasti menurut dengan lembut. Sebaiknya dalam satu-satu situasi itu ibubapa memberi alasan tentang mengapa sekatan atau halangan itu dilaksanakan. Anak-anak perlu di didik untuk mendengar alasan yang timbul atau dinyatakan oleh ibunya. Cara ini akan melatih si anak untuk berfikir dan merasa yakin.

Tetapi dari semasa ke semasa, seorang anak itu akan melampaui sesuatu peraturan atau sekatan yang kita kenakan keatasnya. Maka soalan yang timbul ialah: Apa yang perlu dilakukan bila seorang anak telah melampaui batasan itu? Proses pendidikan memerlukan agar pehak ibubapa menjalankan peranannya sebagai seorang dewasa yang bertanggungjawab, bertimbang-rasa tetapi tegas. Dalam bertindak ke atas anak yang telah melampaui batasan, ibubapa tidak perlu bersikap keras dan berbicara panjang. Ibumama tidak perlu berhujjah tentang adil atau tidak-adilnya sesuatu sekatan itu. Tidak perlu lagi diuraikan mengapa anaknya tidak boleh memukul kakaknya atau pun cermin tingkap tidak boleh di pecahkan. Kata-kata begini sudah cukup; '*Tingkap bukanlah untuk dipecahkan!*'

Seorang ibu tidak perlu membuat ancaman atau janji untuk melaksanakan disiplin yang baik. Elakkan dari kata-kata seperti ini;

Ibu: 'Kalau kau buang lagi bola itu aku akan patahkan tangan kau!' atau,

Ibu: Kalau anak mak tidak pecahkan mainan nanti kita pergi jalan-jalan!

Tanpa menggunakan ancaman dan janji-janji ibu tadi boleh menyatakan kemarahannya dengan lebih jelas iaitu; *'Ibu tidak suka kelakuan begitu!'* atau *'Kau buat ibu jadi marah!'* atau *'Benda ini bukannya untuk dilempar!'*

Disiplin juga dapat dilaksanakan dengan jayanya jika ibubapa bersikap adil dan saksama. Anak yang ramai dalam suatu keluarga akan mudah patuh dan menghormati sesuatu sekatan atau disiplin seandainya ibubapa itu tidak mengamalkan pilih kasih dan bersikap berat sebelah. Apa yang sering terjadi ialah ibubapa sering memihak kepada anak yang bongsu. Ini akan melahirkan perasaan cemburu dan sakithati wujud dalam hati kecil anak-anak yang lain. Keadilan akan melicinkan jentera disiplin. Ketidak-adilan adalah musuh ketat dan mesti dielakkan semoga keharmonian dan disiplin akan berkekalan.

Elakkan pertikaman lidah seperti ini;

Ipah: Saya suka main di sini. Saya tak mahu pulang.

Ayah: Ipah kata nak main lagi. Ayah kata tak boleh, mesti pulang!

Kenyataan seperti di atas mengakibatkan dua perkara. Kedua-duanya tidak diingini; Kekalahan untuk si anak atau kekalahan untuk si bapa. Cara yang baik ialah memberi perhatian kepada

kemahuan si anak untuk terus bermain dan bukannya kepada sikapnya untuk menentang sesuatu arahan. Contohnya: Bapa boleh berkata, *'Ayah tahu kau suka bermain di sini. Kau suka lama-lama main di sini ya tak? Tapi kita sudah lambat sekarang. Kita perlu pulang; lain kali kita akan kemari lagi, Ipah!'* Ipah akhirnya akan menurut. Seandainya dalam seminit dua Ipah maseh berdegil juga dan tidak berganjak, maka bapa bolehlah memegang tangan Ipah dengan tegas dan terus memimpinnya untuk pulang. Dengan kanak-kanak kecil disiplin itu adalah lebih dari kata-kata.

Demikian saja perbincangan sekitar disiplin ke atas kanak-kanak. Perbezaan pendekatan disiplin cara lama dengan cara baru yang mengikuti lunas pendidikan telah juga diperkatakan dengan beberapa contoh. Kemudian pelaksanaan disiplin itu sendiri telah kami utarakan iaitu dengan cara memberi contoh tauladan yang baik dari pehak ibubapa. Juga dengan cara memberi alasan mengapa sesuatu disiplin itu perlu dikuat-kuasakan oleh ibubapa. Disiplin yang dikenakan melalui penyampaian yang lembut dengan bahasa yang teratur akan meninggalkan kesan yang baik juga. Ibubapa perlu bersikap adil dalam melaksanakan disiplin. Apa yang dikatakan kelonggaran dan batasan dalam menguat-kuasakan sesuatu disiplin juga telah kami huraikan. ¶

Bahan-bahan bacaan

Balint, A. The Early years of Life: A Psychoanalytic Study. New York: Basic Books, 1958.

Baruch, D.W. New Ways in Discipline. New York: McGraw Hill Book Co., 1949.

Fraiberg, S. The Magic Years. New York: Charles Scribners Sons, 1959.

Ginnott, H.G. Between Parent and Child. New York: New York University, 1969.

Halphern, H.M. A Parent's Guide to Child Psychotherapy. New York: A.S. Barnes and Co., 1963.

Wolf, A. The Parents' Manual. New York: Popular library, 1957.
